

BAB DUA

TINJAUAN KAJIAN DAN HASIL PENULISAN

BAB DUA

Tinjauan Kajian Dan Hasil Penulisan

Pendahuluan

Pendekatan pengajaran diasaskan kepada beberapa andaian. Secara tradisi, ia lebih cenderung ke arah pemelajaran yang dilihat dari sudut pandangan pendidik (guru). Guru yang menentukan ciri-ciri pengajaran, kurikulum, penilaian dan pengurusan bagi mencapai hasilan pemelajaran (learning outcomes). Kini pendidik mula sedar kepentingan bekerjasama dengan pelajar bagi menentukan maksud pemelajaran dan bagaimana ia boleh diperluaskan bagi memenuhi keperluan setiap pelajar. Ini dilakukan dengan mengambilkira kebolehan, kemampuan dan pengalaman pelajar dalam setiap pemelajaran.

Perubahan perspektif tersebut memang diperlukan dan kena pada masanya. Pendekatan proses pengajaran dan pemelajaran perlu mewujudkan suatu kaedah yang lebih bermakna dan praktikal. Pelajar perlu digalakkan bergerak secara bebas supaya tidak pasif dan berganjak dari suasana pemelajaran tradisional yang lebih berpusat kepada guru. Persepsi umum juga menyatakan bahawa pelajar perlu memperlihatkan darjah keberkesanan kendiri yang tinggi dan bersedia untuk menghadapi cabaran berdasarkan kepada pengalaman dan kejayaan sebelumnya.

Di dalam KLSR dan KLSP, lebih banyak penumpuan diberi kepada guru berbanding dengan keperluan pelajar. Tambahan pula, proses pendidikan

lebih mementingkan isi kandungan dan pengetahuan yang berasaskan fakta.

Ini bermakna asas struktur pengetahuan tidak dititikberatkan.

Oleh itu, satu pendekatan baru yang lebih komprehensif diperlukan bagi memastikan semua pelajar mendapat faedah daripada pengajaran yang memberi motivasi dan kemahiran secara individu dan berkumpulan. Dengan ini pelajar akan dapat memperolehi kemahiran untuk menyelesaikan sebarang masalah pemelajaran secara praktis dan bukan sekadar mengumpul pengetahuan, maklumat dan kaedah-kaedah penyelesaian masalah secara teori sahaja.

Penyelidikan masa kini banyak menumpukan perhatian terhadap bagaimana mengenal pasti pengajaran dan pembelahan dalam bilik darjah bagi mempertingkatkan pemelajaran. Sistem pemelajaran kini perlu memberi pendedahan dan peluang yang lebih bebas serta aktif kepada pelajar atau dengan kata lain, ia menekankan kepentingan interaksi antara para pelajar.

Untuk memperkembangkan potensi individu secara keseluruhan dan bersepada, guru harus menekankan pemelajaran yang aktif dan pendekatan yang berpotensi.

Anjakan Paradigma Dan Pembaharuan Dalam Pengajaran Pemelajaran

Menurut Kuhn (1970), suatu anjakan paradigma baharu berlaku apabila terjadi kepincangan (anomali) dan krisis dalam suatu paradigma tersebut. Keadaan ini akan menyebabkan berhasilnya satu teori dan penemuan baru bagi menggantikan paradigma lama yang tidak sesuai dan memerlukan perubahan dan pembaharuan.

Paradigma yang dimaksudkan oleh Kuhn (1970) adalah satu set ilmu pengetahuan yang di dalamnya terdapat teori dan kaedah. Paradigma ini pula mempunyai dua ciri iaitu:

- (a). berdasarkan pencapaian ilmiah lampau yang telah menentukan sempadan tindakan, dan
- (b). bersifat penjelasan tentang aktiviti yang boleh dilakukan di dalam sempadan ilmu atau peraturan sedia ada bagi mencapai kejayaan dan sebagainya.

Hukum dan prinsip berkaitan dengan anjakan paradigma pada model revolusi sains, seperti yang telah dimajukan oleh Kuhn (1970) boleh diaplikasikan kepada pengurusan pengajaran dan pemelajaran. Tujuannya bagi memperlihatkan bahawa perkembangan dalam pengajaran dan ledakkan ilmu pengetahuan telah melahirkan krisis dan persoalan yang tidak dapat diselesaikan oleh paradigma yang sedia ada.

Pengalaman yang konkret dapat memudahkan pemelajaran dan pencapaian pengekalan ingatan serta dapat memperguna simbol-simbol yang abstrak (Fleming & Levie, 1978). Pendapat ini disokong oleh Dale (1969) yang mencadangkan supaya pengajaran yang disediakan untuk pelajar perlulah daripada pengalaman langsung dan diikuti dengan persembahan pengalaman menerusi pelbagai media pendidikan dan akhirnya persembahan isyarat seperti pertuturan, ucapan dan simbol. Kuhn (1970) juga menyakinkan bahawa paradigma baru tidak semestinya dapat menjelaskan semua keadaan dan persoalan. Namun demikian, paradigma baru dapat memberi penjelasan yang

lebih baik bagi fenomena yang lebih luas dan mampu pula menyelesaikan krisis.

Paradigma baru ini telah menangani keadaan anomali tersebut dengan memasukkan penggunaan media (*mediated instruction*) seperti bahan terancang dan modul sebagai salah satu komponen yang penting di dalam pengurusan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru media secara autonomi. Penggunaan media dalam pengajaran bukan lagi tertakluk kepada kuasa mutlak guru di bilik darjah tetapi perlu dirancang lebih awal dan secara menyeluruh pada peringkat perkembangan kurikulum.

Modul Dalam Pengajaran dan Pemelajaran

Abdul Rahim (1996) menggunakan istilah teks pengajaran bagi menggantikan modul pengajaran dan pemelajaran. Teks pengajaran ini boleh memaparkan berbagai-bagai mesej yang berfungsi untuk memberi penerangan, membuat pujuhan dan membimbing seseorang pembaca. Dengan kata lain, diandaikan bahawa sesuatu teks pengajaran itu adalah seperti seorang guru. Teks pengajaran ini mempunyai beberapa strategi dan teknik mengajar yang digunakan oleh guru dalam proses berinteraksi dengan pelajar yang telah dipindahkan kepada teks (Abdul Rahim, 1996).

Koh Boh Boon (1980) menyatakan modul adalah satu unit yang sempurna ataupun sebahagian daripada topik yang lebih luas. Ia mengembangkan isi dalam satu turutan langkah-langkah yang teratur dan mudah difahami. Modul pengajaran adalah modul yang direka khas untuk guru yang membolehkan guru mengajar dengan lebih berkesan. Modul pengajaran untuk guru merupakan bahan pengajaran yang dilengkapi dengan

isi kandungan mata pelajaran khusus kepada sesuatu topik. Selain itu modul ini mengandungi strategi-strategi, tindakan-tindakan dan gerak kerja yang boleh diselenggarakan oleh guru bersama-sama dengan cara penilaian isi kandungan mata pelajaran tersebut. Modul pengajaran memuatkan semua maklumat untuk membolehkan guru mengajar dengan lebih berkesan.

Kesimpulannya, pembinaan sesuatu modul sama ada modul pengajaran atau modul pemelajaran adalah untuk memudahkan penyempurnaan sesuatu tugas guru dan pelajar. Abdul Rahim (1996) menyatakan tujuan utama modul ialah untuk memaklumkan atau mengajar, iaitu membantu pelajar untuk memperolehi maklumat atau sesuatu kemahiran bagi melakukan sesuatu tugas. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa sesuatu modul itu mampu menjadi media kepada pelajar khususnya dalam proses pengajaran dan pemelajaran kerana ia merupakan bahan pemelajaran yang terancang.

Penyediaan modul pengajaran yang efektif. Modul pengajaran merupakan salah satu bahan terancang yang digunakan sebagai bahan pengajaran oleh guru. Abdul Rahim (1996) menyatakan dua dimensi penting dalam pengolahan dan penyediaan modul yang berkesan ialah pertama, perancangan dan yang kedua, reka bentuk. Pertimbangan dalam perancangan ini ialah kumpulan sasaran dan objektif pengajaran. Dari aspek kumpulan sasaran, semasa memperkembangkan bahan pengajaran bercetak atau modul pemelajaran, pembina modul itu perlu mengetahui kemahiran, pengetahuan dan tahap perbendaharaan kata kumpulan sasaran. Maklumat ini adalah asas bagi mengenal pasti tahap bacaan serta reka bentuk mesej yang disediakan.

Mengetahui minat serta dorongan ahli-ahli kumpulan tersebut juga penting supaya bahan yang disediakan itu selaras dengan minat dan dorongan mereka.

Dari aspek objektif pengajaran, Abdul Rahim (1996) menyatakan bahawa sesuatu modul yang dihasilkan perlu ditentukan objektifnya secara spesifik, iaitu kemahiran yang akan mereka perolehi selepas mereka memproseskan maklumat yang dipersembahkan. Objektif juga perlu memberi tumpuan kepada prestasi yang diharapkan pelajar dapat lakukan supaya ia dapat membantu pembina modul memilih dan meyusun isi kandungan yang relevan untuk disepadukan dengan reka bentuk yang berkesan. Dengan kata lain, objektif jenis behavioural yang lebih mengutamakan perubahan tingkah laku yang boleh dilihat seperti membaca, menulis dan berlakon adalah sesuai sebagai objektif eksplisit modul. Di samping itu, objektif jenis kognitif yang lebih mengutamakan perolehan konsep atau peraturan dan bagaimana pengetahuan baru boleh membantu pelajar menyelesaikan masalah yang rumit adalah sesuai untuk objektif modul pada peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu pereka bentuk modul atau bahan pengajaran bercetak, perlu memastikan yang bahan tersebut boleh berkomunikasi dengan baik.

Dimensi yang kedua yang perlu dipertimbangkan ialah aspek reka bentuk. Tidak terdapat satu peraturan yang jelas untuk menentukan cara yang paling baik bagi menyediakan bahan pengajaran bercetak yang efektif. Penyediaan ini lebih kepada pengalaman dan amalan pembina modul itu sendiri. Pertimbangan aspek-aspek dalam reka bentuk ini merangkumi organisasi halaman, isi kandungan, stail penulisan tipografi dan ilustrasi (Abdul Rahim, 1996).

Umumnya, sesuatu modul itu boleh ditulis dalam berbagai-bagai bentuk dan dalam berbagai-bagai media. Berbagai-bagai aktiviti boleh dimuatkan ke dalam sesuatu modul menurut keperluan objektif pemelajaran. Apa sahaja aktiviti dan media yang digunakan untuk menyampaikan pemelajaran di dalam sesuatu modul tidak begitu berbeza dari satu modul dengan modul yang lain.

Kepentingan modul dalam pemelajaran. Modul merupakan media yang penting dalam suatu proses pengajaran dan pemelajaran. Potensinya banyak dan kesemua potensi ini membuat andaian bahawa pengguna sekurang-kurangnya boleh mengikuti arahan, khasnya membaca. Ini adalah prasyarat pemelajaran secara modul, oleh sebab itu pelajar mestilah tahu membaca dan boleh memahami isi bacaan. Abdul Rahim (1996) menyatakan bahawa bahan pengajaran bercetak telah digunakan sebagai sumber utama maklumat dalam bilik darjah dan pemelajaran.

Menurut Koh Boh Boon (1980) modul penting dalam pemelajaran kerana pembinaannya yang berlandaskan prinsip-prinsip pedagogi yang memberi kesan positif terhadap pemelajaran pelajar. Modul menjadi penting dalam pengajaran kerana kelebihan modul tersebut yang menjadikan pemelajaran pelajar lebih berkesan. Kepentingan modul pengajaran ini ialah:

- (a) kerana isi pelajaran disusun secara logikal dan bahagian-bahagiannya dikaitkan antara satu sama lain.
- (b) kerana pelajar tidak disogok dengan terlalu banyak bahan pada satu-satu masa.
- (c) kerana pelajar mengetahui betul salah tindakannya atau jawapan

dengan segera dan membetulkannya dengan segera.

- (d) kerana motivasi pelajar cukup tinggi apabila pelajar boleh menguasai isi pelajaran dengan cepat.

Oleh sebab ciri-ciri tersendiri pada modul itu telah menjadikannya sebagai satu alat yang penting dalam proses pengajaran pemelajaran, modul pengajaran juga membolehkan guru menilai kadar penguasaan topik pelajar sebelum dan selepas penggunaan modul.

Berbanding dengan bahan pengajaran yang lain, adalah jelas bahawa modul pengajaran yang disediakan secara terancang dengan ciri-ciri yang tersendiri ini boleh mempengaruhi pelajar menerima sesuatu mesej dengan baik. Abdul Rahim (1996) menyatakan perkara ini sangat penting kerana berdasarkan model komunikasi didapati bahawa kelima-lima deria manusia adalah saluran untuk menerima mesej. Namun demikian, sebahagian besar pengalaman pemelajaran dan ingatan adalah bergantung kepada deria penglihatan. Oleh itu deria penglihatan ini perlu dieksplotasikan secara optimum. Selain itu, modul juga boleh memenuhi unsur-unsur perbezaan individu di kalangan para pelajar di samping menjadikan pemelajaran itu lebih cekap, menarik dan bermakna (Abdul Rahim, 1996). Inilah cabaran dan keistimewaan modul sebagai bahan yang penting dalam proses pengajaran dan pemelajaran guru pelajar.

Modul dalam pemelajaran Bahasa Melayu. Menurut Koh Boh Boon (1980), dalam pemelajaran bahasa Melayu, modul digunakan untuk mempelajari pelbagai aspek bahasa. Aspek-aspek tersebut adalah seperti perbendaharaan kata, karangan, ringkasan dan terutamanya tatabahasa.

Bagi perbendaharaan kata, modul boleh dibina untuk menolong para pelajar mengatasi kesalahan atau kesilapan dalam menggunakan sesetengah perkataan. Contohnya kata penghubung dalam bahasa Melayu boleh dijadikan satu topik bagi satu siri modul. Bagi karangan pula, modul boleh dibina untuk membantu pelajar mengatasi kekurangan mereka dalam menyusun isi sesebuah karangan secara logikal, menarik dan menyakinkan. Bagi ringkasan karangan, modul yang disediakan akan membantu para pelajar mengatasi ketidakupayaan mereka membezakan inti dari hujah-hujah yang menyokongnya. Bagi aspek tatabahasa, modul boleh dibina untuk menolong para pelajar membetulkan kesilapan tatabahasa sama ada dalam aspek morfologi mahupun sintaksis.

Bagi memenuhi hasrat dan kehendak sukatan pelajaran Bahasa Melayu KBSM, guru-guru yang membina modul pemelajaran mestilah mempunyai pendekatan terhadap huraian bahasa dan pemelajaran bahasa yang mantap. Ini penting kerana ia dapat membina keyakinan berbahasa para pelajar serta pengalaman bahasa yang diperlukan bagi membentuk individu yang menyeluruh dan bersepadu.

Littlewood (1981) berpendapat bahawa guru perlu memastikan aktiviti-aktiviti bahasa yang terdapat di dalam modul dapat membantu murid membentuk kecekapan bahasa dan kecekapan berbahasa mereka. Maksudnya, aktiviti-aktiviti di dalam modul tersebut mestilah terdiri daripada aktiviti pemasukan, aktiviti pendedahan dan aktiviti interaksi ataupun aktiviti komunikasi.

Seorang guru bahasa harus mempunyai keyakinan dan kemahiran menilai, memilih dan mengguna, di samping menghasil atau mereka ganti

modul supaya sesuai dengan keperluan pelajaran bahasa itu. ‘Pemelajaran merupakan satu proses yang cergas, perlu dirangsang dan dibimbing ke arah matlamat yang diingini’. (Mat Nor Husin, 1988). Salah satu daripada fungsi modul pengajaran yang disediakan dengan jelas dan rapi aturan isi kandungannya adalah untuk memberi rangsangan bagi mewujudkan situasi pengajaran dan pemelajaran yang menyeronokkan. Keadaan ini akan lebih memudahkan pelaksanaan pengajaran dan juga akan meninggalkan kesan yang lebih mendalam dalam pemelajaran. Keberkesanan dalam meningkatkan pencapaian murid dapat dilihat daripada kajian yang pernah dijalankan berkaitan dengan penggunaan modul dalam proses pengajaran dan pemelajaran.

Hasil daripada tinjauan ini amat menggalakkan dan ini memberi petanda yang positif bahawa kaedah pengajaran bermodul boleh digunakan sebagai salah satu kaedah pengajaran yang boleh memberi motivasi kepada pelajar dalam proses pengajaran dan pemelajaran.

Pengajaran bermodul dan pencapaian pelajar. Dengan mewujudkan situasi pengajaran pemelajaran yang sesuai, guru dapat memenuhi kehendak para pelajar yang lembab dan juga yang cerdas. Ini dilakukan melalui aktiviti dalam proses pengajaran bermodul yang mengkehendaki penyertaan pelajar secara aktif dalam interaksi di antara pelajar dalam kumpulan, antara kumpulan dan individu. Selain itu, kemajuan dalam pemikiran dan kefahaman juga akan berlaku melalui perkongsian idea dan tindak balas antara pelajar. Pelajar bekerjasama dalam kumpulan kecil memastikan setiap ahli kumpulan mencapai matlamat yang ditetapkan. Dalam

kumpulan yang kecil, pelajar biasanya bebas dan berani menerangkan idea-idea yang sukar kepada ahli kumpulan mereka dengan menggunakan bahasa yang mudah. Selain itu ia memberi motivasi kepada para pelajar untuk meningkatkan pencapaian tinggi dalam soalan yang memerlukan penilaian dan pemikiran kreatif.

Asmah Hj Omar (1989) menyatakan bahawa pembelajaran dalam suasana berkumpulan membolehkan para pelajar berinteraksi dengan baik. Para pelajar akan berfikir, merancang, melaksana dan menilai kerja-kerja mereka dengan semangat bergotong-royong yang digalakkan oleh guru. Lagipun dengan membuat kerja secara berkumpulan boleh menimbulkan pemikiran yang dinamik, menimbulkan sikap berlumba-lumba untuk maju serta mewujudkan semangat kekitaan.

Menurut Kamarudin Hj Husin (1994), satu kumpulan pelajar merupakan satu kelompok atau pasukan yang mengandungi beberapa orang pelajar yang bertingkah laku sama, terlibat dalam proses pembelajaran, mempunyai fungsi yang sama serta berusaha dan bekerja ke arah satu matlamat yang spesifik. Pembentukan kumpulan di kalangan pelajar adalah difikirkan perlu untuk memupuk semangat kerjasama dan saling membantu dan menunjuk ajar antara satu sama lain.

Guru mestilah bersedia untuk mengubah persepsi mereka tentang peranan dan tanggungjawab mereka serta bersedia untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif, bekerjasama dengan rakan sejawat dan mempunyai kebijaksanaan dalam pengajaran. Salah satu kaedah yang digunakan ialah melalui pengajaran bermodul. Pendekatan ini akan memberi fleksibiliti dalam sistem pendidikan

dan penekanan diberi kepada proses dan kualiti pengajaran demi faedah para pelajar dari segi perkembangan akademik dan sosial. Walau bagaimanapun guru harus membuat pilihan kaedah yang paling sesuai, tepat dan berkesan untuk bilik darjahnya.

Kaedah pengajaran bermodul. Pengajaran secara tradisional merupakan pengajaran yang berpusatkan guru yang kebiasaananya melibatkan pendekatan secara deduktif. Maklum balas oleh guru selalunya tidak diberikan pada masa pengajaran pemelajaran berlangsung sebaliknya dalam tempoh tertentu atau pada waktu pengajaran berikutnya. Buku teks merupakan bahan utama dalam pengajaran pemelajaran kaedah ini.

Dalam pengajaran bermodul, aktiviti berkumpulan diutamakan. Pelajar digalakkan berinteraksi secara berkumpulan dan individu serta bekerjasama menyelesaikan tugasan yang telah diberikan. Guru berfungsi sebagai fasilitator dan hanya campur tangan apabila diperlukan sebaliknya dalam pengajaran tradisional guru tidak mengutamakan aktiviti kumpulan.

Rumusan Tinjauan

Kaedah pengajaran bermodul mempunyai banyak potensi dan mungkin sesuai dilaksanakan di sekolah-sekolah supaya prestasi pencapaian pelajar dapat dipertingkatkan lagi. Selain itu, pengajaran bermodul mungkin boleh diperluaskan ke mata pelajaran yang lain.

Hasil daripada tinjauan kajian dan hasil penulisan dan kajian-kajian yang berkaitan didapati bahawa kaedah pengajaran bermodul amat menggalakkan. Dari kajian-kajian tersebut, didapati tidak ada kajian khusus

yang telah dijalankan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di negara kita yang menggunakan pendekatan kaedah pengajaran bermodul.

Dalam kajian ini, penyelidik memberi tumpuan khusus terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu kerana subjek ini memainkan peranan penting sebagai bahasa ilmu pengetahuan, bahasa perhubungan, bahasa pengantar utama bagi semua peringkat persekolahan dan pengajian (Abdul Hamid Mahmood, 1990). Kecekapan berbahasa akan menolong dan membantu pelajar mengikuti pelajaran serta memperolehi pelajaran dengan lebih mudah dan berkesan. Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara menuntut penguasaannya yang lebih berkesan dalam bidang ilmu serta kehidupan seharian oleh setiap warga negara (Teo Kok Seong, 1997).